

**NO. SOALAN : 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**TARIKH : 31 MAC 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming (Taiping) meminta PERDANA MENTERI menyatakan bahawa kesalahan seksyen 377B Kanun Keseksaan memerlukan dua pihak untuk melakukan kesalahan tetapi dalam kes Dato Seri Anwar Ibrahim v. PP, mengapa hanya seorang sahaja didakwa sebaliknya Saiful Bukhari dibebaskan tanpa tindakan.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertuduhan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim bagi kesalahan di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan [Akta 574] diputuskan berdasarkan keterangan yang dikemukakan hasil siasatan pihak polis bahawa Mohd Saiful Bukhari bin Azlan ialah mangsa yang telah diliwat oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.
2. Keterangan mangsa dikehendaki bagi membuktikan kes terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Atas alasan tersebut, Mohd Saiful Bukhari bin Azlan tidak didakwa atas kesalahan meli wat di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan atau subahat di bawah seksyen 109 Kanun yang sama.
3. Sebagai contoh, sebagaimana dalam kebanyakan kes rasuah, pemberi rasuah dipertuduh di mahkamah manakala penerima rasuah menjadi saksi terhadap pemberi rasuah.

Sekian, terima kasih.